e-Bangi Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia
Journal of Social Sciences and Humanities

eISSN: 1823-884x

Volume 22, Issue 3, DOI: https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2203.17

Review Paper

Pengukuhan Ekonomi Masyarakat Melalui Sistem Perbankan dan Kewangan Islam dalam Mengatasi Kemiskinan Secara Multidimensi

(Strengthening Community Economic Empowerment Through the Islamic Banking and Financial System in Addressing Multidimensional Poverty)

Muhamad Zulfadli Abdul Rahman[1]* & Siti Mazlita Yamaludin[2]

[1]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Open University Malaysia, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
[2]Fakulti Perniagaan & Pengurusan, Open University Malaysia, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: muhamad_zulfadli@oum.edu.my

Diserah: 23 Mac 2025
Diterima: 24 Julai 2025

Abstrak: Sistem perbankan dan kewangan yang berlandaskan prinsip syariah berorientasikan kepada keadilan sosial dan ekonomi bertujuan untuk menciptakan keseimbangan antara keperluan material dan spiritual dengan menekankan aspek-aspek pembiayaan tanpa riba. Walau bagaimananpun, tahap literasi kewangan yang rendah dalam kalangan masyarakat mengakibatkan kurangnya penyertaan dalam sistem ini yang seterusnya mempengaruhi kemampuan mereka untuk memenuhi keperluan hidup termasuk akses kepada pendidikan, kesihatan dan taraf hidup yang berkualiti dengan ditambah keperluan hidup semasa yang semakin berkembang. Oleh yang demikian, artikel ini menganalisis peranan perbankan dan kewangan Islam dalam mengatasi kemiskinan secara multidimensi di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan melalui data-data primer dan sekunder yang diperolehi dari kajian perpustakaan dan literatur. Hasil dapatan kajian menunjukkan perbankan Islam memainkan peranan yang besar sebagai instrumen penting dalam mengatasi kemiskinan terutamanya melalui pendekatan yang patuh Syariah serta menyumbang kepada pengurangan kemiskinan secara multidimensi melalui aktiviti simpanan dan pelaburan. Selain itu, aktiviti simpanan yang dilakukan telah membina aset kewangan dan kestabilan ekonomi golongan miskin yang berupaya mengeluarkan mereka daripada insiden kemiskinan disamping membuka laluan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup bagi memenuhi keperluan selain kewangan. Kajian ini dilihat signifikan dalam menyediakan panduan kepada pembuat dasar dalam memperkukuh strategi pengukuhan ekonomi masyarakat melalui pengukuran kemiskinan secara multidimensi di Malaysia sekaligus menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG1) dalam usaha mencapai keadilan sosial dan kelestarian ekonomi yang inklusif. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada penambahbaikan dasar awam berkaitan pembasmian kemiskinan serta mengukuhkan fungsi sektor perbankan Islam sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi negara.

Kata kunci: Perbankan Islam; kewangan Islam; kemiskinan; kemiskinan multidmensi; SDG

Abstract: The Shariah principles in banking and the financial system are oriented towards social and economic justice, aiming to create a balance between material and spiritual needs by emphasizing non-interest-based financing. However, the low level of financial literacy among the public has resulted in limited participation in this system, which in turn affects their ability to meet essential needs, including access to education, healthcare, and a quality of living standards especially as the cost of living continues to rise.

Therefore, this article analyzes the role of Islamic banking and finance in addressing multidimensional poverty in Malaysia. This study employs a qualitative approach through content analysis methods using primary and secondary data from library research and literature review. The findings indicate that Islamic banking plays a significant role as a key instrument in alleviating poverty, particularly through Shariah-compliant approaches, and contributes to the reduction of multidimensional poverty through savings and investment activities. Moreover, savings activities have helped build financial assets and economic stability for the poor, enabling them to escape poverty while also paving the way to improve overall well-being, including non-monetary needs. This study has a significant impact in guiding policymakers in strengthening economic empowerment strategies through multidimensional poverty measurement in Malaysia. It also supports Sustainable Development Goal 1 (SDG1) in the pursuit of social justice and inclusive economic sustainability. Furthermore, this study contributes to the improvement of public policies related to poverty eradication and strengthens the role of the Islamic banking sector as a catalyst for the country's socioeconomic development.

Keywords: Islamic banking; Islamic finance; poverty; multidimensional poverty; SDGs

Pengenalan

Sistem perbankan dan kewangan Islam telah berkembang pesat dan menjadi komponen penting dalam usaha pengukuhan ekonomi global. Prinsip asasnya yang berteraskan syariah, menawarkan alternatif yang unik berbanding sistem kewangan konvensional. Prinsip-prinsip seperti larangan riba, mencegah ketidakadilan dan ketidaktentuan serta menggalakkan perkongsian keuntungan dan risiko menjadikan kewangan Islam sebagai instrumen yang mampan dan beretika (Ghani & Yaacob, 2021). Dengan pertumbuhan pesat dalam industri ini, institusi kewangan Islam telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara menyeluruh khususnya di negara-negara yang majoriti penduduknya beragama Islam (Sri Kurnialis et al., 2022). Salah satu isu kritikal yang dihadapi oleh dunia hari ini ialah kemiskinan, dan ia bukan sekadar masalah kekurangan pendapatan semata-mata tetapi dilihat sebagai satu fenomena multidimensi yang merangkumi aspek kesihatan, Pendidikan dan taraf hidup (Alkire & Foster, 2011). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dikebanyakan negara untuk menangani kemiskinan secara multidimensi, namun cabaran yang dihadapi adalah kompleks dan memerlukan pendekatan yang menyeluruh termasuk peranan daripada sistem perbankan dan kewangan Islam (Burchi et al., 2022). Prinsip-prinsip kewangan Islam telah menawarkan mekanisme yang berpotensi mempengaruhi faktor-faktor yang menyumbang kepada kemiskinan multidimensi seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan bagi golongan miskin sekaligus meningkatkan taraf kehidupan mereka (Sengupta & Poddar, 2022). Di samping itu, produk kewangan Islam dapat membantu golongan miskin yang terpinggir dari sistem kewangan konvensional untuk mendapatkan akses kepada modal pinjaman, seterusnya memulakan dan mengembangkan perniagaan (Muneer & Khan, 2022).

Pendekatan berasaskan kewangan Islam juga dilihat sebagai lebih inklusif kerana ia menekankan keadilan dan kesaksamaan dalam transaksi ekonomi. Larangan ke atas riba dan spekulasi (gharar) bermaksud bahawa sistem kewangan Islam beroperasi dalam kerangka yang lebih stabil dan bertanggungjawab, yang boleh membantu mengurangkan risiko ketidaktentuan ekonomi yang sering kali membawa kesan buruk kepada golongan miskin (Zainur, 2021). Dengan demikian, kewangan Islam bukan sahaja menyediakan akses kepada pembiayaan, tetapi juga memastikan bahawa transaksi adalah adil dan telus, mengelakkan penindasan yang lazim berlaku dalam sistem kewangan konvensional. Pengagihan zakat secara efisien mampu meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi, manakala pembiayaan mikro berasaskan syariah telah terbukti membantu usahawan mikro keluar dari kitaran kemiskinan (Khatimah & Isfandayani, 2023). Begitu juga, inisiatif wakaf telah digunakan di beberapa negara untuk menyediakan infrastruktur sosial seperti sekolah dan hospital yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat miskin. Namun begitu, terdapat cabaran dalam pelaksanaan dan perluasan peranan kewangan Islam dalam menangani kemiskinan multidimensi. Cabaran ini termasuk kurangnya tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat tentang produk kewangan Islam, isu regulasi, serta keperluan untuk pengurusan kewangan Islam yang lebih efektif. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis potensi sistem perbankan dan kewangan Islam dalam mengatasi insiden kemiskinan secara multidimensi. Artikel ini akan membincangkan secara

terperinci bagaimana potensi sistem perbankan dan kewangan Islam dapat digunakan sebagai alat untuk mengatasi kemiskinan secara holistik, dengan memberikan fokus kepada peranan dan impak mekanisme kewangan Islam dalam mengurangkan kemiskinan multidimensi.

Sorotan Literatur

1. Perkembangan Sistem Kewangan Islam

Sistem kewangan dan perbankan Islam berfungsi sebagai medium untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial dan mengurangkan jurang kemiskinan dalam masyarakat (Usmani, 2021). Di Malaysia, sistem kewangan Islam telah berkembang pesat melalui penyediaan pembiayaan beretika yang menjaga nilai-nilai moral dan memperkasakan ekonomi melalui pelbagai instrumen kewangan yang patuh syariah. Asal-usul sistem kewangan Islam telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan Khulafa al-Rasyidin dimana prinsip-prinsip perdagangan Islam seperti larangan riba dan gharar telah diamalkan. Masyarakat ketika itu menggunakan sistem barter dan transaksi muamalat yang berasaskan kontrak-kontrak patuh syariah seperti mudharabah, musyarakah, dan murabahah (Siddiqi, 2006). Sistem perbankan Islam moden telah bermula pada pertengahan abad ke-20. Bank Islam pertama, Mit Ghamr Savings Bank, ditubuhkan di Mesir pada tahun 1963 oleh Dr. Ahmad El-Naggar. Bank ini beroperasi berdasarkan konsep tanpa riba, menggunakan mudharabah dan musyarakah sebagai asas transaksi kewangannya. Selain itu, penubuhan Bank Pembangunan Islam (IDB) pada tahun 1975 dan Bank Islam Dubai pada tahun yang sama menandakan kemunculan perbankan Islam sebagai satu sistem kewangan yang tersusun di peringkat antarabangsa (Moinuddin, 2018).

Di Malaysia, kewangan dan perbankan Islam berkembang pada awal 1980-an dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983. Ini adalah langkah pertama Malaysia dalam memperkenalkan sistem kewangan Islam secara formal (Bank Negara, 2021). Pada tahun 1993, bank-bank konvensional di Malaysia mula menawarkan produk perbankan Islam melalui konsep "Perbankan Islam secara Tingkap" (*Islamic Windows*) dan kemudian dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, rangka kerja perbankan Islam di Malaysia diperkuat dan diinstitusikan (Markom & Ismail, 2009). Sistem kewangan dan perbankan Islam mempunyai beberapa fungsi utama dalam pembangunan ekonomi Islam seperti penyediaan pembiayaan yang patuh syariah di mana sistem perbankan Islam menyediakan pelbagai pembiayaan berlandaskan prinsip syariah, seperti murabahah, ijarah (sewa-beli), mudharabah, dan musyarakah. Pembiayaan ini bebas dari unsur riba, memastikan keadilan dan perkongsian risiko dalam aktiviti ekonomi (Ahmad, 2000). Selain itu, ia memainkan peranan sebagai penggalakan pelaburan yang beretika dalam sektor-sektor yang bersesuaian dengan nilai-nilai Islam seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, dan pertanian di samping menghindari industri-industri haram seperti perjudian dan arak (Pandoman, 2022). Peranan ini menjadikan perbankan Islam sebagai penapis kepada pelaburan dan memastikan hanya aktiviti yang patuh syariah menerima pembiayaan. Tambahan pula, sistem kewangan Islam turut merangkumi instrumen sosial untuk membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan seperti penyediaan dana mikro melalui qardhul hasan membantu usahawan kecil dan golongan berpendapatan rendah memulakan perniagaan sekaligus menyumbang kepada pengurangan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan ummah (Aderemi & Ishak, 2023).

Di peringkat global, sistem kewangan Islam juga menjadi medium pembangunan ekonomi seperti dalam pasaran sukuk yang berkembang pesat sebagai instrumen pembiayaan pembangunan infrastruktur di negara-negara membangun seperti Indonesia, Pakistan dan Turki yang telah menggunakan sukuk bagi membiayai projek-projek infrastruktur seperti jalan raya, sekolah, dan hospital yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampan (Kantarcı & Eren, 2018). Tidak ketinggalan juga Malaysia antara negara yang menjadi peneraju dalam sistem kewangan Islam melalui inisiatif daripada kerajaan dan institusi kewangan yang proaktif dalam industri ini. Peranan perbankan Islam di Malaysia melibatkan pembiayaan bagi sektor perumahan, perniagaan kecil dan sederhana (PKS), pendidikan dan pertanian. Ini telah membantu meningkatkan daya saing ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan (Husseini et al., 2019). Selain itu, Malaysia juga telah memperkenalkan inisiatif memperkasa golongan asnaf melalui zakat dan waqaf yang disalurkan melalui sistem kewangan Islam. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Negeri menggunakan dana

zakat dan waqaf untuk menyediakan pinjaman mikro, membina rumah bagi golongan miskin, dan memberikan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan (Amuda et al., 2016; Azam Hussain et al., 2021).

Walaupun sistem kewangan Islam telah berkembang, cabaran masih wujud seperti tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat terhadap produk kewangan Islam dan pemantapan rangka kerja perundangan. Inovasi produk juga perlu untuk memenuhi keperluan pasaran yang berubah (Hasan et al., 2016). Untuk masa depan, sistem kewangan Islam perlu memperkukuh prinsip syariah dan memanfaatkan teknologi kewangan (fintech) untuk meningkatkan akses perkhidmatan kewangan Islam, terutama bagi golongan miskin dan luar bandar (Rabbani, 2022). Platform pembayaran digital dan pinjaman mikro patuh syariah boleh memperluaskan impak kewangan Islam dalam pembangunan ekonomi (Kasiewicz, 2017). Sistem kewangan dan perbankan Islam memainkan peranan yang penting sebagai medium pembangunan ekonomi Islam. Sejarah dan prinsip-prinsip syariah yang diamalkan dalam sistem ini telah membentuk satu model pembiayaan beretika dan pelaburan dalam sektor yang bermanfaat yang menyumbang kepada pembangunan sosial dan Malaysia merupakan antara negara contoh terbaik dalam menjadi model pelaksanaan kewangan Islam yang inklusif dan beretika (Balarabe et al., 2022).

2. Insiden Kemiskinan Multidimensi

Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memberi penekanan bahawa kemiskinan bukan sahaja melibatkan isu kekurangan sumber kewangan dan pendapatan tetapi juga aspek-aspek bukan kewangan seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan kebajikan sosial (World Bank, 2020). Secara asasnya, kemiskinan multidimensi merujuk kepada keadaan di mana individu atau isi rumah mengalami kekurangan dalam pelbagai dimensi kehidupan. Takrif ini diperkenalkan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) melalui Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) yang mengambil kira aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup (UNDP, 2010). Di peringkat antarabangsa, kemiskinan dilihat bukan sahaja sebagai masalah kekurangan pendapatan tetapi juga sebagai masalah kekurangan terhadap peluang dan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan asas yang lain.

Kemiskinan di Malaysia bukan sahaja berkait rapat dengan isu kekurangan pendapatan semata-mata tetapi juga faktor-faktor lain seperti akses kepada pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas. MPI yang diperkenalkan oleh Malaysia telah mengukur kemiskinan melalui integrasi pendekatan kewangan dan bukan kewangan berdasarkan empat dimensi utama iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan (Zailani et al., 2023). Elemen ini memberikan gambaran yang lebih tepat tentang keadaan kemiskinan sebenar di negara ini. Sebagai contoh, di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, kadar kemiskinan multidimensi adalah lebih tinggi berbanding dengan kawasan bandar. Hal ini disebabkan oleh kekurangan akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan (Rahman et al., 2021). Di kawasan bandar pula, isu kemiskinan multidimensi lebih berkait dengan kos sara hidup yang tinggi dan ketidaksamarataan pendapatan (Siwar et al., 2016; Tedong et al., 2022). Pengintegrasian elemen kewangan dan bukan kewangan dalam pendekatan pengurangan kemiskinan adalah penting untuk mencapai pembangunan yang inklusif dan mampan. Polisi pengurangan kemiskinan mesti mengambil kira pelbagai dimensi kemiskinan, termasuk akses kepada pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

Di Malaysia, konsep kemiskinan multidimensi ini semakin diperluaskan bagi menangani masalah kemiskinan secara lebih holistik berbanding definisi kemiskinan sebelum ini yang banyak bergantung pada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semata-mata. Walau bagaimanapun, pendekatan ini dilihat gagal mencerminkan aspek kemiskinan yang lebih luas (Jamil & Che Mat, 2014). Oleh itu, Malaysia telah mengiktiraf MPI sebagai pengukuran kemiskinan alternatif bermula tahun 2019 untuk memberi tumpuan pengukuran kemiskinan kepada dimensi bukan kewangan (Asim & Pasha, 2022). Walau bagaimanapun, elemen pendapatan masih merupakan indikator penting dalam mengukur kemiskinan dan tidak wajar diabaikan dalam polisi pengukuran kemiskinan. Hal ini kerana, sumber pendapatan yang stabil dapat mempengaruhi kesejahteraan individu dalam pelbagai dimensi keperluan kehidupan. Sebagai contoh, pendapatan yang lebih tinggi memberi peluang untuk akses kepada makanan yang berkualiti, perkhidmatan kesihatan yang baik dan pendidikan yang lebih baik (Ravallion, 2011).

Namun, pengukuran kemiskinan melalui pendekatan kewangan semata-mata tidak bersifat komprehensif dalam mengukur insiden kemiskinan. Kebanyakan negara pada masa kini mengintegrasikan

elemen bukan kewangan ke dalam pengukuran kemiskinan sedia ada yang menggunakan pendekatan ukuran kewangan. Tambahan pula, Bank Dunia menekankan bahawa strategi pengurangan kadar kemiskinan perlu meliputi penambahbaikan terhadap akses kepada sumber-sumber asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktur awam (World Bank, 2022). Aspek bukan kewangan termasuk dimensi kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup dan ketiga-tiga dimensi ini merupakan dimensi utama yang memainkan peranan penting dalam membentuk kesejahteraan individu dan masyarakat (Alkire et al., 2020).

Dimensi Kesihatan

Kesihatan merupakan satu lagi dimensi penting dalam Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI). Ketiadaan akses kepada penjagaan kesihatan asas, kekurangan zat makanan, dan penyakit tidak berjangkit menunjukkan tahap kemiskinan yang tinggi (Alkire & Foster, 2011). Walaupun kerajaan Malaysia telah memperluas kemudahan kesihatan (MOH, 2020), masalah seperti kekurangan pemakanan dan gaya hidup tidak sihat masih menjadi isu utama, terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. Sistem kewangan Islam menyokong pembangunan sektor kesihatan melalui pelaburan beretika. Instrumen seperti sukuk telah digunakan untuk membiayai pembinaan hospital dan kemudahan kesihatan di negara-negara membangun seperti Indonesia, Pakistan dan Turki (Kantarcı & Eren, 2018). Di Malaysia, perbankan Islam turut menyalurkan pembiayaan ke sektor kesihatan secara patuh syariah, menjadikan aspek kesihatan sebahagian daripada keutamaan pembangunan sosial yang dibiayai (Husseini et al., 2019). Bank Dunia (2022) turut menekankan bahawa pengurangan kemiskinan memerlukan akses yang lebih baik kepada penjagaan kesihatan. Dalam hal ini, sistem kewangan Islam dapat berperanan penting sebagai pemangkin kepada kesejahteraan kesihatan masyarakat melalui sokongan terhadap pelaburan yang mematuhi prinsip syariah.

Dimensi Pendidikan

Dimensi pendidikan merupakan komponen penting dalam pengukuran kemiskinan multidimensi. Pendidikan yang baik membuka peluang kepada pekerjaan lebih stabil dan berpendapatan tinggi, seterusnya meningkatkan mobiliti sosial (Sen, 2017). Di Malaysia, akses kepada pendidikan dilihat lebih baik berbanding banyak negara membangun lain, namun jurang kualiti pendidikan masih wujud yang menjejaskan golongan miskin (UNESCO, 2015). Sistem kewangan Islam menyumbang secara signifikan dalam memperkasakan pendidikan melalui pembiayaan beretika. Instrumen seperti zakat dan waqaf telah digunakan oleh institusi agama seperti Majlis Agama Islam Negeri bagi menyediakan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan (Amuda et al., 2016; Azam Hussain et al., 2021). Kajian Ainin Sofiya et al. (2025) membuktikan bahawa pengagihan zakat dalam bentuk modal perniagaan turut disertai dengan latihan keusahawanan dan bimbingan pemasaran, yang menyumbang kepada peningkatan keupayaan pendidikan ekonomi asnaf, sekaligus mengubah status mereka menjadi pembayar zakat. Namun, tahap celik kewangan dalam kalangan masyarakat masih sederhana, terutama dari segi pelaburan, insurans dan kredit, meskipun mereka menunjukkan prestasi baik dalam pengurusan tunai dan simpanan. Ini menunjukkan keperluan kepada pendidikan kewangan yang lebih inklusif dan menyeluruh agar masyarakat lebih celik dalam menggunakan instrumen kewangan Islam secara efektif (Ramli et al., 2025).

Dimensi Taraf Hidup

Selain itu, dimensi taraf hidup juga merupakan dimensi yang diukur dalam MPI yang meliputi akses kepada air bersih, sanitasi, dan perumahan yang selesa. Dalam pengukuran MPI, kemiskinan dalam dimensi taraf hidup dianggap kritikal, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman (UNDP, 2010). Dimensi taraf hidup merangkumi kualiti tempat tinggal, akses kepada air bersih, sanitasi dan infrastruktur asas. Dalam konteks Malaysia, cabaran seperti perumahan yang sempit dan infrastruktur yang terhad masih berlaku, khususnya di kawasan luar bandar (Asim & Pasha, 2022). MPI menganggap kekurangan dalam aspek ini sebagai penanda kemiskinan kritikal (UNDP, 2010). Sistem kewangan Islam menyediakan pembiayaan untuk pembangunan infrastruktur dan perumahan melalui pelbagai instrumen dan pembiayaan perumahan patuh syariah. Di Malaysia, institusi kewangan Islam memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan perumahan dan pembinaan rumah untuk golongan miskin melalui instrumen seperti waqaf dan zakat (Amuda et al., 2016). Inisiatif seperti ini memperbaiki taraf hidup masyarakat dan menjadikan kewangan Islam sebagai alat yang

efektif dalam menangani kemiskinan dari dimensi bukan kewangan. Selain itu, program seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) memberi sokongan kewangan langsung, namun usaha pembasmian kemiskinan perlu diperluas kepada aspek bukan kewangan melalui pembangunan infrastruktur, kesihatan dan pendidikan (Md Nooh et al., 2021; Mustaffa et al., 2023).

Dimensi Pendapatan

Di Malaysia, program seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) memberikan bantuan kewangan kepada golongan miskin (Md Nooh et al., 2021). Namun, untuk memastikan pengurangan kemiskinan secara menyeluruh, pendekatan yang lebih holistik diperlukan termasuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti, mempertingkatkan kemudahan kesihatan, dan memperbaiki taraf hidup melalui pembangunan infrastruktur (Mustaffa et al., 2023). Konsep kemiskinan multidimensi yang mengintegrasikan elemen kewangan dan bukan kewangan memberikan pandangan yang lebih komprehensif mengenai keadaan kemiskinan. Kini, kemiskinan bukan sahaja berkaitan dengan kekurangan pendapatan, tetapi juga kekurangan dalam aspek kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup. Untuk menangani kemiskinan secara berkesan, polisi pengurangan kemiskinan perlu mengambil kira pelbagai dimensi ini dan menyediakan intervensi yang menyeluruh. Pendapatan masih merupakan indikator utama dalam pengukuran kemiskinan kerana ia menentukan kemampuan individu untuk memperoleh makanan, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan berkualiti (Ravallion, 2011).

Walaupun pendekatan pengukuran kemiskinan kini lebih holistik melalui MPI, dimensi pendapatan tetap penting dan tidak boleh diketepikan. Sistem kewangan dan perbankan Islam memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan patuh syariah yang menggalakkan keadilan sosial dan mengurangkan kemiskinan (Usmani, 2021). Di Malaysia, sistem ini berkembang sejak 1983 dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad dan seterusnya diperkukuh dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Bank Negara, 2021; Markom & Ismail, 2009). Melalui instrumen seperti murabahah, ijarah, mudharabah dan musyarakah, sistem perbankan Islam memberikan akses kepada modal bagi usahawan kecil dan sederhana (Ahmad, 2000). Ini turut mencakupi pembiayaan melalui qardhul hasan untuk membantu golongan miskin memulakan perniagaan (Aderemi & Ishak, 2023). Di peringkat global, pasaran sukuk telah digunakan untuk membiayai projek pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang menyumbang kepada pertumbuhan mampan (Kantarcı & Eren, 2018). Malaysia diiktiraf sebagai antara negara peneraju dalam sistem kewangan Islam yang inklusif dan beretika (Balarabe et al., 2022). Pendekatan zakat secara produktif, seperti yang ditunjukkan dalam Program Usahawan Asnaf, telah berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah dan membolehkan peserta keluar daripada kitaran kemiskinan (Ainin Sofiya et al., 2025).

Walaupun banyak kajian telah menjelaskan peranan sistem kewangan Islam dalam pembangunan ekonomi dan pengurangan kemiskinan, masih terdapat jurang yang signifikan dalam kajian-kajian tersebut dalam menilai impak kewangan Islam berdasarkan dimensi kemiskinan multidimensi secara terperinci**.** Kebanyakan kajian sedia ada hanya menumpukan kepada instrumen secara umum tanpa menghubungkannya secara empirik kepada dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup secara spesifik. Maka, kajian ini penting untuk mengisi kekosongan tersebut melalui pendekatan tematik dan berpaksikan data, agar dasar yang dibentuk lebih berkesan dan lestari.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk kajian dokumen dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan secara tematik melalui proses pengumpulan data-data primer dan sekunder yang diperolehi dari kajian perpustakaan dan literatur. Pada peringkat awal, sejumlah 68 artikel telah dikenalpasti daripada pelbagai pangkalan data utama seperti *Scopus, Google Scholar*, dan repositori institusi pengajian tinggi. Daripada jumlah ini, artikel ditapis berdasarkan kriteria berikut: (i) diterbitkan antara tahun 2016 hingga 2023; (ii) mempunyai kaitan langsung dengan peranan sistem kewangan Islam dalam pengurangan kemiskinan atau pembangunan sosial; (iii) artikel ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks. Hasil saringan berdasarkan tajuk dan abstrak menyusutkan bilangan artikel kepada 38 dan seterusnya 26 artikel akhir dipilih setelah melalui proses penilaian penuh kandungan.

Pendekatan analisis dalam kajian ini merangkumi kaedah induktif dan deduktif. Melalui pendekatan induktif, pengkaji mengenal pasti pola, tema dan makna tersirat daripada bahan-bahan yang dikaji tanpa membuat andaian awal. Dalam fasa induktif, pengkaji mengenal pasti secara terbuka corak dalam kandungan artikel seperti kekerapan penggunaan konsep wakaf pendidikan atau qard hasan dalam usaha membantu pendidikan dan kesejahteraan.

Tema seperti akses pendidikan melalui pembiayaan Islam muncul hasil daripada analisis data. Seterusnya, pendekatan deduktif digunakan dengan memadankan tema tersebut kepada struktur MPI yang menetapkan pendidikan sebagai salah satu dimensi utama kemiskinan. Ini membolehkan pengkaji menilai kesesuaian dan hubungkait antara dapatan literatur dengan kerangka teori sedia ada. Semasa melakukan analisis tematik terdapat enam kaedah yang dilaksanakan iaitu: 1) Membiasakan diri dengan data; 2) Membina kod awal; 3) Mencari tema yang sesuai; 4) Melihat semula tema; 5) Mengenal pasti dan menetapkan nama tema dan; 6) Menghasilkan laporan. Proses ini membolehkan pengkaji mengenalpasti isu-isu utama berkaitan peranan perbankan Islam dalam menangani kemiskinan multidimensi berdasarkan pemerhatian langsung terhadap kandungan sumber primer dan sekunder yang dianalisis.

Seterusnya, pendekatan deduktif digunakan bagi menguji dan mengaitkan dapatan yang diperoleh dengan kerangka teori sedia ada khususnya struktur Indeks Kemiskinan Multidimensi Global yang dibangunkan oleh Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI) serta Indeks Kemiskinan Multidimensi Malaysia yang disesuaikan mengikut konteks tempatan. Kedua-dua indeks ini berfungsi sebagai asas rujukan untuk menstruktur dan mengkategorikan data yang diperoleh. Berdasarkan kerangka tersebut, dapatan kajian ini dianalisis dan dikelompokkan kepada empat tema utama iaitu Pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Dengan menggunakan pendekatan analisis induktif dan deduktif secara bersepadu, kajian ini dapat menggambarkan secara lebih menyeluruh bagaimana penawaran produk dan perkhidmatan institusi perbankan Islam di Malaysia dapat menyumbang kepada usaha menangani pelbagai bentuk kekurangan hidup yang diukur melalui dimensi kemiskinan multidimensi.

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan, satu proses semakan silang telah dilaksanakan antara dua penyelidik untuk membincangkan dan menyemak tema yang dikenal pasti secara Bersama melalui pemadanan silang tema antara penyelidik untuk memastikan konsistensi dalam pengkategorian tema induktif dan deduktif. Kriteria pemilihan data termasuk yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tema kajian, kredibiliti penerbitan, dan kesegaran data. Proses analisis ini ditunjukkan melalui carta alir kajian dan kerangka analisis kandungan dalam rajah 1 bagi meningkatkan ketelusan metodologi dan kebolehpercayaan dapatan.



Rajah 1. Carta alir proses kajian
Sumber: Olahan Pengkaji (2025)

Hasil Kajian

Kajian ini merupakan sebuah ulasan kajian literatur yang berasaskan analisis kandungan terhadap sumber sekunder. Ia tidak melibatkan sebarang kajian lapangan atau data primer berbentuk temu bual atau soal selidik. Oleh itu, dapatan yang dibentangkan adalah berdasarkan interpretasi literatur terdahulu secara kritikal dan holistik. Perbankan Islam di Malaysia menawarkan rangkaian penyelesaian kewangan yang bukan sahaja mematuhi prinsip syariah, tetapi juga bertujuan untuk menyelesaikan cabaran ekonomi dan sosial yang melanda masyarakat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam membincangkan peranan ini, perbankan Islam bukan sahaja berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan kewangan tetapi juga sebagai instrumen pembangunan sosial yang kukuh. Prinsip syariah yang berteraskan keadilan, pengagihan kekayaan, dan pengurangan ketidaksamarataan membolehkan sektor ini menyasarkan isu kemiskinan secara langsung melalui pendekatan yang inklusif dan mampan.

1. Dimensi Pendidikan

Dalam konteks pendidikan, perbankan Islam memainkan peranan penting melalui pembiayaan pendidikan patuh syariah. Kos pendidikan tinggi sering menjadi penghalang kepada golongan miskin, yang membawa kepada generasi terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Dengan menyediakan pembiayaan melalui konsep *Ijarah* (sewaan) atau *Tawarruq*, bank Islam dapat mengurangkan tekanan kewangan yang dialami oleh pelajar dan keluarga mereka (Adewale & Zubaedy, 2019). Tambahan pula, konsep seperti dana pendidikan bersama dan wakaf pendidikan boleh diterokai untuk menyokong pelajar miskin secara lebih menyeluruh. Contohnya, dana pendidikan bersama boleh diwujudkan dengan sumbangan tabarru' daripada pelanggan bank, manakala wakaf pendidikan boleh diuruskan dengan keuntungan pelaburan disalurkan kepada yuran pengajian atau bantuan kewangan pelajar. Dalam jangka panjang, pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan beban kewangan individu tetapi juga menyumbang kepada pembangunan modal insan negara. Menurut laporan UNDP (2023), kadar buta huruf di kalangan komuniti miskin di Asia Tenggara masih melebihi 12%. Dalam konteks ini, institusi kewangan Islam seperti Bank Islam Malaysia menawarkan skim pembiayaan pendidikan tanpa faedah melalui konsep qard hasan, yang menyumbang kepada pengurangan halangan kewangan terhadap pendidikan asas.

2. Dimensi Kesihatan

Simpanan yang konsisten adalah asas kepada kestabilan kewangan, namun golongan berpendapatan rendah sering menghadapi cabaran untuk menyimpan kerana pendapatan yang tidak mencukupi. Akaun tabungan patuh syariah, seperti Akaun Simpanan Al-Awfar, boleh menjadi instrumen yang efektif dalam membantu golongan ini menyimpan dengan lebih teratur. Insentif tambahan, seperti ganjaran tunai atau kadar keuntungan tinggi bagi simpanan kecil, dapat meningkatkan motivasi pelanggan untuk menyimpan. Selain itu, perbankan Islam boleh memperkenalkan akaun tabungan mikro berinsentif dengan kadar deposit minimum rendah. Akaun ini boleh diintegrasikan dengan perlindungan takaful asas, memberikan pelanggan manfaat tambahan seperti insurans mikro untuk kecemasan perubatan atau kematian. Dengan pendekatan ini, golongan miskin bukan sahaja dapat mengumpul dana tetapi juga menikmati perlindungan kewangan (Usman & Tasmin, 2016). Berdasarkan laporan World Bank (2022), lebih 25% isi rumah miskin di negara membangun tidak mempunyai perlindungan kesihatan asas. Takaful mikro diperkenalkan oleh beberapa institusi kewangan Islam sebagai mekanisme pembiayaan kesihatan alternatif, terutamanya kepada kumpulan rentan.

Selain itu, kad debit dan kredit Islamik boleh menjadi alat penting untuk memberikan perlindungan kewangan tambahan kepada golongan miskin. Sebagai contoh, kad debit dengan perlindungan takaful asas boleh memastikan pelanggan mendapat bantuan kewangan jika berlaku kematian atau kecemasan perubatan. Kad kredit Islamik pula boleh diintegrasikan dengan elemen kebajikan, di mana sebahagian keuntungan disumbangkan kepada dana wakaf atau projek sosial. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan pelanggan manfaat langsung tetapi juga membantu memperkasakan komuniti melalui inisiatif kebajikan yang disokong oleh penggunaan kad (Balarabe & Abdullah, 2022). Perbankan Islam di Malaysia memiliki kelebihan unik untuk mengurangkan beban kewangan rakyat dengan menyediakan produk kewangan yang lebih inklusif dan adil. Melalui inovasi berterusan dalam pembiayaan mikro, sektor ini boleh membantu golongan miskin keluar daripada kitaran kemiskinan. Walaupun terdapat cabaran seperti ketidakupayaan membayar balik dan

pengurusan dana yang tidak produktif, penyelesaian yang disertai bimbingan dan kerjasama strategik antara kerajaan, NGO, dan perbankan Islam boleh memperkasakan peranan sektor ini sebagai pemacu pembangunan sosial dan ekonomi yang mampan.

3. Dimensi Taraf Hidup

Dalam dimensi taraf hidup, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat miskin ialah kekurangan akses kepada perumahan yang selamat, bekalan air bersih dan kemudahan sanitasi asas. Menurut laporan UN-Habitat (2021), hampir 40% komuniti miskin global masih tinggal dalam keadaan yang tidak memenuhi piawaian perumahan yang munasabah, dengan kekurangan kemudahan asas menjadi faktor utama kepada ketidaksejahteraan hidup. Keadaan ini secara langsung menyumbang kepada kemiskinan multidimensi yang berpanjangan dan menjejaskan kualiti hidup isi rumah terlibat. Dalam konteks ini, sistem kewangan Islam memainkan peranan penting menerusi instrumen seperti wakaf tunai dan pembiayaan sosial Islam lain. Beberapa inisiatif wakaf telah digerakkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia, Indonesia dan Timur Tengah untuk menyediakan rumah mampu milik, menambah baik infrastruktur komuniti, dan membiayai projek air bersih bagi golongan rentan. Pendekatan ini bukan sahaja bersifat redistributif, malah membuktikan keupayaan sistem kewangan Islam sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang mampan (UN-Habitat, 2021). Pemilikan rumah sering menjadi beban kewangan utama bagi kebanyakan keluarga di Malaysia. Model pembiayaan *Musharakah Mutanaqisah* (perkongsian berkurangan) memberikan alternatif yang lebih adil dan fleksibel berbanding pembiayaan konvensional (Ibrahim & Mohd Sapian, 2023). Namun, pelaksanaannya masih terhad kepada golongan berpendapatan sederhana ke atas, yang mampu membayar ansuran bulanan. Untuk menjadikan perumahan mampu milik lebih inklusif, skim subsidi bersama antara bank Islam dan kerajaan perlu diperkenalkan. Subsidi ini boleh membantu mengurangkan kadar sewa atau ansuran bulanan, menjadikan rumah lebih mampu milik untuk golongan B40. Selain itu, skim sewa beli Islamik juga boleh dipertingkatkan untuk membolehkan penyewa beralih kepada pemilik rumah secara beransur-ansur tanpa tekanan kewangan yang besar.

Selain itu, wakaf tunai adalah instrumen unik yang berpotensi besar dalam mengurangkan ketidaksamarataan ekonomi (Yarli et al., 2023) dan secara langsung boleh menyumbang kepada peningkatan dimensi taraf hidup. Dana wakaf yang dikumpul melalui sumbangan kecil daripada masyarakat boleh dimanfaatkan untuk menyediakan keperluan asas seperti pembinaan atau penyelenggaraan perumahan yang layak, penyediaan kelengkapan rumah, dan peningkatan akses kepada utiliti asas. Sebagai contoh, platform seperti Wakaf Dana Niaga oleh Maybank Islamic boleh digunakan untuk membantu golongan B40 memperoleh aset atau modal perniagaan yang secara langsung meningkatkan taraf hidup mereka dengan memberi mereka peluang pendapatan yang stabil. Namun, keberkesanan wakaf tunai memerlukan pengurusan yang telus dan profesional untuk memastikan dana sampai kepada golongan sasaran. Kerjasama antara perbankan Islam, institusi wakaf, dan agensi kerajaan boleh memperkemaskan pengurusan dana ini, termasuk menggunakan teknologi *blockchain* untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Dengan langkah ini, wakaf tunai dapat memenuhi keperluan asas penerima, sekali gus menyumbang secara signifikan kepada pengurangan kemiskinan dalam dimensi taraf hidup.

4. Dimensi Pendapatan

Salah satu kekuatan utama perbankan Islam dalam mengurangkan beban kewangan adalah melalui pembiayaan mikro yang menggunakan konsep *Qard Hasan* (pinjaman tanpa faedah). Pendekatan ini amat relevan dalam membantu golongan miskin yang menghadapi halangan modal untuk memulakan perniagaan atau menangani keperluan mendesak (Aderemi & Ishak, 2023). Sebagai contoh, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya meningkatkan taraf hidup wanita luar bandar melalui pembiayaan mikro berdasarkan prinsip ini (Md Saad, 2012). Namun, cabaran yang wujud termasuk ketidakupayaan untuk membayar balik pinjaman akibat kegagalan perniagaan atau penggunaan dana yang tidak produktif. Justeru, pelaksanaan pembiayaan mikro perlu disertai dengan program mentor dan sokongan teknikal. Bank Islam dan institusi lain boleh melibatkan NGO dan agensi kerajaan untuk menyediakan latihan keusahawanan dan pemantauan prestasi kewangan kepada penerima pinjaman. Pendekatan ini memastikan pinjaman digunakan untuk tujuan yang produktif dan memberikan impak jangka panjang kepada penerima.

Selain itu, usahawan kecil dan sederhana sering menghadapi kekangan modal, yang menjadi penghalang utama untuk meningkatkan pendapatan dan keluar dari lingkaran kemiskinan. Model perkongsian keuntungan seperti Mudarabah dan Musharakah menawarkan alternatif kepada pinjaman konvensional, di mana bank berkongsi risiko perniagaan dengan usahawan. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan keusahawanan tetapi juga membantu golongan miskin menjana pendapatan tanpa menambah beban hutang. Dalam konteks ini, peningkatan pendapatan melalui keusahawanan dapat menyumbang kepada pengurangan aspek kemiskinan lain. Namun, model ini memerlukan pemantauan rapi untuk memastikan dana digunakan secara produktif (Susantiningrum & Murwaningsih, 2021). Bank Islam boleh menubuhkan unit khas untuk memberikan bimbingan teknikal dan pengurusan kewangan kepada penerima dana, memastikan perniagaan mereka berkembang dengan mampan, sekaligus meningkatkan dimensi pendapatan golongan miskin. Laporan IRTI & IsDB (2021) menunjukkan bahawa pembiayaan mikro Islam telah meningkatkan purata pendapatan bulanan isi rumah miskin di Indonesia sebanyak 18% dalam tempoh dua tahun pelaksanaan. Ini membuktikan potensi perbankan Islam dalam mengangkat taraf hidup.

Perbincangan

Pengukuhan ekonomi adalah konsep yang sangat penting dalam usaha memperbaiki taraf hidup masyarakat, terutamanya dalam kalangan golongan miskin. Ia melibatkan proses di mana individu dan komuniti diberikan akses kepada sumber-sumber ekonomi yang dapat meningkatkan pendapatan, memberikan kestabilan ekonomi, dan membantu mereka keluar daripada kitaran kemiskinan. Pengukuhan ekonomi dalam Islam tidak hanya terhad kepada aspek material, tetapi juga merangkumi kesejahteraan sosial individu (Handoyo & Khanifa, 2020). Dalam Islam, pengukuhan ekonomi berkait dengan prinsip-prinsip keadilan sosial, kemakmuran bersama, dan tanggungjawab kolektif. Prinsip-prinsip ini mencerminkan asas yang kukuh dalam memperjuangkan hak individu untuk mendapatkan akses kepada sumber-sumber ekonomi dengan cara yang adil dan lestari (Muhibban & Munir, 2023). Melalui pemberdayaan ekonomi, masyarakat dapat mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembangunan ekonomi, mengurangkan ketergantungan kepada bantuan luar, dan membina asas yang kukuh untuk kemajuan masa depan. Dalam konteks ini, aktiviti simpanan dan pelaburan yang berlandaskan prinsip syariah melalui sistem kewangan Islam memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ekonomi masyarakat.

Sistem kewangan Islam yang berteraskan prinsip syariah telah menyediakan pelbagai instrumen kewangan yang beretika, adil, dan berdaya tahan, menjadikannya alternatif yang lebih sesuai untuk masyarakat berbanding dengan sistem kewangan konvensional. Instrumen-instrumen yang wujud bukan sahaja mengelakkan unsur-unsur haram seperti riba, gharar, dan maysir, tetapi juga menekankan keadilan dalam pembahagian risiko dan keuntungan. Dalam konteks pemberdayaan ekonomi, sistem ini mempromosikan aktiviti simpanan dan pelaburan yang berlandaskan syariah, yang memastikan sumber-sumber kewangan digunakan secara produktif, telus, dan beretika, sambil membangunkan ekonomi masyarakat secara mampan (Adinugraha et al., 2023). Selain memberikan kestabilan ekonomi jangka panjang, sistem kewangan Islam juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial melalui instrumen seperti zakat dan wakaf, yang mempromosikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dan pengurangan ketidaksamaan ekonomi (AbdulKareem et al., 2021). Aktiviti simpanan dan pelaburan dalam sistem kewangan Islam menjadi alat penting dalam memastikan bahawa kekayaan ini diagihkan secara adil dan lestari, serta digunakan untuk membangunkan ekonomi masyarakat secara menyeluruh.

Amalan menabung atau menyimpan dianggap sebagai satu tindakan yang terpuji dalam Islam. Simpanan bukan sahaja membantu individu mengekalkan kestabilan kewangan, tetapi juga menggalakkan perancangan kewangan yang baik dan berhemat. Berbanding dengan sistem perbankan konvensional yang bergantung kepada riba (faedah), sistem kewangan Islam melarang sebarang bentuk riba kerana ia bertentangan dengan prinsip keadilan. Sebaliknya, keuntungan yang diperoleh daripada simpanan adalah melalui aktiviti yang berlandaskan syariah seperti mudharabah atau wadiah. Dalam sistem mudharabah, pemilik modal (penyimpan) bekerjasama dengan pengurus modal (bank) untuk melaburkan wang simpanan dalam projek-projek yang produktif (Umam et al., 2021). Keuntungan daripada pelaburan ini kemudian dibahagikan antara penyimpan dan bank berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Ini memastikan bahawa simpanan masyarakat digunakan untuk tujuan yang produktif dan beretika, yang selari dengan prinsip syariah.

Simpanan dalam sistem perbankan Islam tidak hanya memberi manfaat kepada individu, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan melalui pembiayaan aktiviti ekonomi yang berkesan (Murniati et al., 2020).

Simpanan memainkan peranan penting dalam mengurangkan kemiskinan dengan menyediakan akses kepada modal yang diperlukan untuk memulakan perniagaan atau projek-projek ekonomi yang dapat meningkatkan pendapatan (Ren, 2023). Selain itu, simpanan berfungsi sebagai pelindung kewangan bagi masyarakat, terutama dalam menghadapi situasi kecemasan seperti kehilangan pekerjaan, penyakit, atau bencana alam (Liu, 2021). Melalui simpanan, masyarakat boleh membina dana kecemasan, melabur dalam pendidikan, kesihatan, atau memulakan perniagaan kecil yang boleh menjana pendapatan tambahan. Dengan adanya simpanan yang kukuh, individu dan keluarga boleh mengurangkan kebergantungan kepada bantuan luar dan membina daya tahan ekonomi yang lebih kukuh. Dalam konteks kewangan Islam, simpanan juga boleh digunakan sebagai modal untuk aktiviti-aktiviti kebajikan seperti wakaf atau zakat, yang memberi kesan positif kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan (Suharnanik & Yulairini, 2022).

Tambahan pula, pelaburan dalam sistem kewangan Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Melalui pelaburan yang beretika dan berlandaskan syariah, masyarakat berpeluang untuk menyertai aktiviti ekonomi yang produktif dan berdaya saing. Sebagai contoh, pelaburan dalam sukuk boleh digunakan untuk membiayai projek-projek infrastruktur yang besar seperti pembinaan jalan raya, sekolah, dan hospital, yang bukan sahaja memberi kesan positif kepada masyarakat dari segi penciptaan pekerjaan dan peningkatan taraf hidup, tetapi juga memberi peluang kepada pelabur untuk mendapatkan pulangan yang baik (Maulana & Mawadah, 2023). Selain itu, pelaburan dalam bentuk mudharabah dan musyarakah memberi peluang kepada usahawan kecil dan sederhana untuk mendapatkan modal tanpa perlu menanggung beban hutang yang berat (Susana & Safitri, 2023). Dalam konteks ini, pelaburan Islam memberikan penyelesaian yang lebih adil kepada golongan miskin dan kurang mampu yang ingin memulakan perniagaan tetapi tidak mempunyai akses kepada modal dalam sistem konvensional yang berasaskan riba.

Pelaburan dalam Islam mesti mematuhi prinsip-prinsip syariah, yang bermaksud setiap bentuk pelaburan mesti bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba (faedah), gharar (ketidakpastian), dan maysir (perjudian) serta menekankan keadilan, ketelusan, dan pembahagian risiko yang adil antara pelabur dan pengurus dana (Hassan et al., 2019). Ini menjadikan pelaburan dalam kewangan Islam sebagai satu mekanisme yang adil dan beretika, yang memastikan keuntungan dan kerugian dikongsi bersama, tanpa menindas mana-mana pihak. Instrumen pelaburan yang popular dalam kewangan Islam termasuk sukuk (bon Islam), mudharabah**,** musyarakah (perkongsian modal), dan ijarah (sewa). Setiap instrumen ini bertujuan untuk memastikan bahawa pelaburan dilakukan secara beretika dan produktif, serta selaras dengan prinsip syariah. Ini memastikan bahawa pelaburan yang dibuat bukan sahaja menguntungkan pelabur, tetapi juga memberi manfaat kepada ekonomi masyarakat secara keseluruhan (Choudhury et al., 2019).

Selain pelaburan komersial, sistem kewangan Islam juga menekankan pentingnya pelaburan dalam ekonomi sosial seperti wakaf dan zakat. Pelaburan dalam wakaf membolehkan aset kekal seperti tanah atau bangunan digunakan untuk tujuan kebajikan dan pembangunan sosial. Sebagai contoh, keuntungan daripada aset wakaf boleh digunakan untuk membiayai pendidikan, perkhidmatan kesihatan, atau membina infrastruktur yang dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Zakat, sebaliknya, berfungsi sebagai instrumen pengagihan kekayaan yang adil dan berperanan sebagai modal untuk pelbagai projek ekonomi yang bertujuan membantu golongan miskin untuk berdikari. Dana zakat boleh digunakan untuk memberikan latihan kemahiran atau modal perniagaan kepada golongan yang memerlukan. Dengan cara ini, zakat bukan sahaja mengurangkan ketidaksamaan kekayaan dalam masyarakat, tetapi juga memainkan peranan dalam membangunkan ekonomi dan membantu golongan miskin keluar dari kitaran kemiskinan (Abubakar Muhammad et al., 2023).

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang peranan sistem kewangan Islam dalam menangani kemiskinan secara multidimensi, satu model interaksi telah dibangunkan bagi menggambarkan hubungan antara instrumen-instrumen kewangan Islam dengan empat dimensi utama dalam Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI), iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Model ini menegaskan bahawa pendekatan Islamik bukan sahaja berfungsi dalam ruang lingkup kewangan, malah berinteraksi secara langsung dengan keperluan bukan kewangan masyarakat miskin melalui instrumen sosial

seperti zakat, wakaf, takaful dan qard hasan. Sebagai contoh, dimensi pendidikan dapat ditangani melalui pembiayaan pendidikan dan wakaf pendidikan; kesihatan melalui tabungan mikro dan takaful asas; taraf hidup melalui pembiayaan perumahan dan wakaf tunai; manakala dimensi pendapatan ditangani melalui instrumen qard hasan, mudarabah dan musyarakah. Rajah 2 dibawah menunjukkan model interaksi kewangan Islam dan dimensi kemiskinan multidimensi yang mengambil kira nilai keadilan sosial dan keberkongsian risiko yang dianjurkan dalam Islam.



Rajah 2. Interaksi Sistem kewangan islam & dimensi kemiskinan multidimensi
Sumber: Olahan Pengkaji (2025)

Pendekatan kewangan Islam menawarkan kelebihan yang lebih menyeluruh dan adil dalam menangani kemiskinan multidimensi berbanding konvensional. Sistem konvensional lazimnya berfokus kepada keuntungan semata-mata serta bergantung kepada mekanisme faedah (riba) yang membebankan peminjam, terutamanya golongan miskin yang tidak mempunyai cagaran atau sejarah kredit yang kukuh (Hasan et al., 2016). Di samping itu, instrumen konvensional sering mengabaikan prinsip keadilan sosial dan keberkongsian risiko, menyebabkan ketidaksamarataan semakin melebar. Sebaliknya, sistem kewangan Islam berpaksikan prinsip syariah seperti larangan riba, gharar dan maysir, serta menggalakkan kerjasama, tanggungjawab sosial dan pengagihan kekayaan melalui zakat dan wakaf (Choudhury et al., 2019). Instrumen seperti qard hasan dan mudarabah membolehkan golongan miskin mengakses pembiayaan tanpa beban bunga, manakala takaful dan wakaf pula memberikan perlindungan dan sokongan kepada aspek kesihatan dan taraf hidup. Justeru, sistem kewangan Islam tidak hanya bersifat komersial, tetapi juga menawarkan pendekatan pembangunan berteraskan nilai kemanusiaan dan keadilan yang lebih mampan dalam menangani kemiskinan secara menyeluruh.

Kesimpulan

Kesimpulannya, sistem perbankan dan kewangan Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi serta pengurangan kemiskinan multidimensi. Dengan prinsip berteraskan syariah, sistem ini menawarkan alternatif yang lebih beretika, adil, dan mampan berbanding sistem kewangan konvensional. Larangan terhadap riba dan spekulasi, digabungkan dengan mekanisme seperti perkongsian keuntungan dan risiko, menjadikan kewangan Islam sebagai alat efektif untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi. Sistem kewangan Islam menyumbang kepada pemberdayaan ekonomi melalui pelbagai instrumen. KOnsep kemiskinan yang memebri penakana terhadap elemen selain pendapatan selari dengan prinsip kewangan Islam, yang menyediakan akses kepada perkhidmatan kewangan inklusif dan adil. Walaupun sistem kewangan Islam mempunyai potensi besar, beberapa cabaran perlu ditangani seperti tahap literasi kewangan yang rendah, kekurangan inovasi produk, dan isu regulasi memerlukan perhatian. Sistem perbankan dan kewangan Islam berpotensi besar dalam menangani kemiskinan multidimensi dan memacu pembangunan ekonomi.

Antara cadangan dasar dan intervensi praktikal adalah kerajaan melalui agensi berkaitan perlu memperkukuh kerjasama strategik bersama institusi perbankan Islam untuk membentuk rangka kerja khas

pengukuhan ekonomi berasaskan instrumen kewangan Islam. Selain itu, penggubalan dasar yang menyokong insentif cukai, latihan literasi kewangan Islam serta inovasi produk kewangan Islam bagi golongan miskin juga perlu diberi keutamaan. Di samping itu, pengintegrasian data di antara agensi kerajaan dan institusi perbankan Islam boleh dimanfaatkan bagi mengenal pasti kelompok sasar secara lebih berkesan dan menyalurkan bantuan atau pembiayaan dengan lebih tepat. Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama, ia bersifat kualitatif dan tertumpu kepada data sekunder, maka dapatan tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh terhadap semua konteks institusi. Kedua, keterbatasan data empirikal menyukarkan penilaian impak secara kuantitatif ke atas program pembiayaan Islam terhadap pembasmian insiden kemiskinan multidimensi. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan menggunakan pendekatan campuran yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif serta kajian kes lapangan bagi menilai keberkesanan sebenar intervensi kewangan Islam dalam mengangkat kesejahteraan golongan miskin. Kajian dimasa hadapan juga boleh meneroka peranan kewangan sosial Islam secara lebih spesifik berdasarkan dimensi-dimensi seperti pendidikan, kesihatan dan taraf hidup.

Penghargaan: Tiada sebarang bentuk pembiayaan atau bantuan teknikal khusus diterima bagi penyelidikan dan penulisan artikel ini.

Informed Consent Statement: Kajian ini tidak melibatkan sebarang data atau penyertaan individu sebagai responden. Oleh itu, *informed consent statement* tidak terpakai.

Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

AbdulKareem, I. A., Mahmud, M. S., Elaigwu, M., & Abdul Ganiyy, A. F. (2021). Mitigating the effect of COVID-19 on the society through Islamic social finance. *The Journal of Management Theory and Practice, 2*(1), 57–61. https://doi.org/10.37231/jmtp.2021.2.1.83

Abubakar Muhammad, A., Abubakar Shariff, I., & Umar, A. (2023). The impact of Islamic models of zakat and waqf in reducing poverty among vulnerables during the pandemic era in Bauchi State, Nigeria. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, *4*(1), 69–90. https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.143

Aderemi, A. M. R., & Ishak, M. S. I. (2023). Qard Hasan as a feasible Islamic financial instrument for crowdfunding: Its potential and possible application for financing micro-enterprises in Malaysia. *Qualitative Research in Financial Markets*, *15(1)*, 58–76. https://doi.org/10.1108/QRFM-08-2021-0145

Adewale, A. S., & Zubaedy, A. A. G. (2019). Islamic finance instruments as alternative financing to sustainable higher education in Nigeria. *Global Journal Al-Thaqafah*, *9*(1), 35–48.

Adinugraha, H. H., Shulhoni, M., & Achmad, D. (2023). Islamic social finance in Indonesia: Opportunities, challenges, and its role in empowering society. *Review of Islamic Social Finance and Entrepreneurship*, *2*(1), 45–62. https://doi.org/10.20885/RISFE.vol2.iss1.art4

Ahmad, K. (2000). Islamic finance and banking: The challenge and prospects. *Review of Islamic Economics*, *9*(1), 57–82.

Alkire, S., & Foster, J. (2011). Counting and multidimensional poverty measurement. *Journal of Public Economics*, *95*(7–8), 476–487. https://doi.org/10.1016/j.jpubeco.2010.11.006

Alkire, S., Kanagaratnam, U., & Suppa, N. (2020). *The global Multidimensional Poverty Index (MPI) 2020*. OPHI MPI Methodological Note 49. Oxford Poverty and Human Development Initiative. https://ophi.org.uk/publication/MN-49-2020

Amuda, Y. J., Razak, D. A., & Ahmed, A. A. (2016). Application of cash waqf in the empowerment of widows in Malaysia. *Journal of Advanced Management Science*, *4*(3), 255–259. https://doi.org/10.12720/joams.4.3.255-259

Asim, M., & Pasha, H. F. (2022). Measuring multidimensional poverty method. *Journal of Enterprise and Business Intelligence*, *2*(2), 45–53. https://doi.org/10.53759/5181/jebi202202005

Hussain, M. A., Azhar, A., & Badarulzaman, M. H. (2021). Analysis of zakat application screening procedures in selected states in Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, *22*(2), 129–140. https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.2.594

Balarabe, A., & Abdullah, M. F. (2022). Ujrah-based Islamic credit card: A Shariah-compliancy analysis. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, *5*(1), 54–68. https://doi.org/10.53840/ijiefer.v5i1.69

Balarabe, A., Abdullah, M. F., Gwadabe, U. M., & Muhammad, A. J. (2023). History of Islamic banking in Malaysia: A general review. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, *2*, 43–53.

Bank Negara Malaysia. (2021). *Bank Negara Malaysia annual report 2020*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020_en_book.pdf

Burchi, F., Malerba, D., Montenegro, C. E., & Rippin, N. (2022). Assessing trends in multidimensional poverty during the MDGs. *Review of Income and Wealth*, *68*(S2), S317–S346. https://doi.org/10.1111/roiw.12578

Choudhury, M. A., Hossain, M. S., & Mohammad, M. T. (2019). Islamic finance instruments for promoting long-run investment in the light of the well-being criterion (maslaha). *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, *10*(2), 315–339. https://doi.org/10.1108/JIABR-11-2016-0133

Ghani, H. A., & Yaacob, N. (2021). Prinsip-prinsip syariah dalam aktiviti muamalat. *Rabbanica: Journal of Revealed Knowledge*, *2*(1), 111–130. https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/18 1.

Handoyo, H., & Khanifa, N. K. (2020). Zakat dan paradigma pemberdayaan ekonomi umat. *Syariati: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Hukum*, *6*(1), 57–72. https://doi.org/10.32699/syariati.v6i01.1260

Hasan, A., Khan, S. D., & Noordin, N. H. (2016). Innovation in Islamic finance: The way forward. *Al-Shajarah*, *21*(2), 1–20.

Hassan, M. K., Aliyu, S., Paltrinieri, A., & Khan, A. (2019). A review of Islamic investment literature. *Economic Papers: A Journal of Applied Economics and Policy*, *38*(4), 345–364. https://doi.org/10.1111/1759-3441.12230

Husseini, S. A., Fam, S. F., Ahmat, N. N., Azmi, F. R., Prastyo, D. D., & Yanto, H. (2019). Islamic banking revolution in Malaysia: A review. *Humanities and Social Sciences Reviews*, *7*(4), 267–275. https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7434

Ibrahim, N., & Mohd Sapian, S. (2023). Factors influencing customers' selection of Islamic home financing: A systematic review. *International Journal of Housing Markets and Analysis*, *16*(1), 59–84. https://doi.org/10.1108/IJHMA-10-2021-0110

Jamil, N., & Che Mat, S. H. (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, *48*(1), 167–177.

Kantarcı, H. B., & Eren, T. (2018). The emergence of Sukuk market and economic effects. *Global Journal of Emerging Trends in e-Business, Marketing and Consumer Psychology (GJETeMCP), 4*, 1–7.

Kasiewicz, S. (2017). New trends in the system regulating the market of bank services. *Kwartalnik Nauk o Przedsiębiorstwie*, *45*(4), 7–21. https://doi.org/10.5604/01.3001.0010.7450

Khatimah, H., & Isfandayani. (2023). Islamic microfinance for poverty alleviation. *Tamkin Journal*, *2*(2), 1–12. https://doi.org/10.58968/tj.v2i2.302

Liu, W. (2021). Human capital accumulation, income protection insurance and poverty reduction in the least developed countries. *Australian Economic Papers*, *60*(2), 361–372. https://doi.org/10.1111/1467-8454.12208

Maulana, M. R., & Mawadah, S. (2023). Management of Hajj funds in Sukuk investment from an Islamic economic perspective. *International Conference on Islamic Economic*, *2*(1), 10–35. https://doi.org/10.58223/icie.v2i1.204

Md Nooh, M. A., Subramaniam, G., & Hanafiah, M. H. (2021). Cash transfer programme in Malaysia: A conceptual analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *11*(2), 799–812. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i2/7992

Md Saad, N. (2012). Microfinance and prospect for Islamic microfinance products: The case of Amanah Ikhtiar Malaysia. *Advances in Asian Social Science*, *1*(1), 206–213.

Mohamad Halim, A.S., Ishak, S., Che Omar, A.R., (2025). Keberhasilan Pembasmian Kemiskinan Melalui Agihan Zakat Bantuan Modal Perniagaan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, *22*(2), 13–26. https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.02

Moinuddin, C. (2018). *An introduction to Islamic finance: A different perspective on global business*. HSBC Amanah Malaysia.

Muhibban, & Munir, M. M. (2023). Pemberdayaan ekonomi berlandaskan maslahah dalam hukum Islam. *Jurnal Kajian Islam Modern*, *10*(1), 34–45. https://doi.org/10.56406/jkim.v10i01.311

Muneer, F., & Khan, F. (2022). Impact of Qard-al-Hasan (interest-free loan) program in reducing multidimensional poverty: An evidence from the southwest Bangladesh. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, *15*(6), 1072–1087. https://doi.org/10.1108/IMEFM-03-2021-0101

Murniati, W., Juliasari, D., & Hanifah, N. (2020). Determinants of interest in saving for students in Islamic banking. *Jurnal Ilmiah Ilmu Akuntansi, Keuangan dan Pajak*, *4*(2), 89–100. https://doi.org/10.30741/assets.v4i2.548

Mustaffa, N. K., Shahrudin, N. S. N., Aziz, M. F. H. A., & Mustaffa, A. (2023). Key challenges and strategies towards sustainable infrastructure development in Malaysia. *International Journal of Integrated Engineering*, *15*(2), 1–13. https://doi.org/10.30880/ijie.2023.15.02.001

Pandoman, A. (2022). Islamic financial infrastructure towards the establishment of Sharia central banks. *Formosa Journal of Applied Sciences*, *1*(5), 903–920. https://doi.org/10.55927/fjas.v1i5.1459

Rabbani, M. R. (2022). Fintech innovations, scope, challenges, and implications in Islamic finance: A systematic analysis. *International Journal of Computing and Digital Systems*, *13*(1), 1–15. https://doi.org/10.12785/ijcds/130147

Rahman, M. A., Sani, N. S., Hamdan, R., Othman, Z. A., & Bakar, A. A. (2021). A clustering approach to identify multidimensional poverty indicators for the bottom 40 percent group. *PLOS ONE*, *16*(8), e0255312. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0255312

Ramli, S., Md Sum, S., & Awang, A. H. (2025). Pengurusan kewangan generasi milenial: Perbandingan gender. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, *22*(1), 1–15. https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.01

Ravallion, M. (2011). On multidimensional indices of poverty. *Journal of Economic Inequality*, *9*(2), 235–248. https://doi.org/10.1007/s10888-011-9173-4

Ren, Y. (2023). Research on poverty and saving behavior: Based on the perspective of scarcity mentality and time preference. *Advances in Economics, Management and Political Sciences*, *14*, 83–92. https://doi.org/10.54254/2754-1169/14/20230834

Markom, R., & Ismail, N. (2009). The development of Islamic banking laws in Malaysia: An overview. *Jurnal Undang-Undang*, *13*, 191–205.

Sengupta, R., & Poddar, A. (2022). Proposed application of Multidimensional Poverty Index (MPI) in microfinance industries using machine learning. *2022 International Conference on Interdisciplinary Research in Technology and Management (IRTM 2022)* (pp. 830–836). IEEE. https://doi.org/10.1109/IRTM54583.2022.9791682

Siddiqi, M. N. (2006). Islamic banking and finance in theory and practice: A survey of state of the art. *Islamic Economic Studies*, *13*(2), 1–48.

Siwar, C., Ahmed, F., Bashawir, A., & Mia, M. S. (2016). Urbanization and urban poverty in Malaysia: Consequences and vulnerability. *Journal of Applied Sciences*, *16*(4), 154–160. https://doi.org/10.3923/jas.2016.154.160

Kurnialis, S., Uliya, Z., Fitriani, M., Aulasiska, M., & Nizam, M. S. (2022). Perkembangan perbankan syariah di negara Muslim. *Jurnal Rumpun Ekonomi Syariah*, *5*(2), 109–119. https://doi.org/10.25299/syarikat.2022.vol5(2).9688

Suharnanik, S., & Yulairini, S. (2022). Family welfare empowerment (PKK) role in set woman cooperation to support economy creative empowerment based on community. *Revista de Cercetare si Interventie Sociala*, *77*, 162–173. https://doi.org/10.33788/rcis.77.10

Susana, L. M., & Safitri, N. (2023). Investasi dalam perspektif ekonomi syariah. *Jurnal Studi Islam*, *4*(1), 40–53. https://doi.org/10.47281/fas.v4i1.125

Susantiningrum, S., & Murwaningsih, T. (2021). The role of entrepreneurial orientations on micro small enterprises (MSEs) performance: Study of Indonesia MSEs performance in a border area. *2nd International Conference of Science and Technology for the Internet of Things (ICSTI 2019)* (pp. 73–85).

Tedong, P. A., Zyed, Z. A. S., Jani, R., & Fazlie, F. A. (2022). Rural residents' perceptions on the poverty alleviation and governance in Sarawak, Malaysia. *International Journal of Business and Society*, *23*(1), 1–15.

Umam, F. N., Salam, A. N., & Rizal, A. (2021). Determinants of Mudharabah term deposit: A case of Indonesia Islamic banks. *Journal of Economics Research and Social Sciences*, *5*(2), 124–145. https://doi.org/10.18196/jerss.v5i2.12445.

UN-Habitat. (2021). *World cities report 2021: The value of sustainable urbanization*. United Nations Human Settlements Programme. https://unhabitat.org

United Nations Development Programme. (2010). *Human development report 2010: The real wealth of nations: Pathways to human development*. Palgrave Macmillan. https://hdr.undp.org/content/human-development-report-2010

United Nations Development Programme. (2023). *Human development report 2023: Breaking the gridlock*. UNDP. https://hdr.undp.org

Usman, A. S., & Tasmin, R. (2016). Linkage between Islamic micro-finance and poverty reduction in Malaysia. *International Business Management*, *10*(17), 3739–3746.

Usmani, M. M. T. (2002). An introduction to Islamic finance. Brill.

World Bank. (2020). COVID-19 to add as many as 150 million extreme poor by 2021. https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2020/10/07/covid-19-to-add-as-many-as-150-million-extreme-poor-by-2021

World Bank. (2022). Poverty and shared prosperity 2022: Correcting course. https://www.worldbank.org/en/publication/poverty-and-shared-prosperity

World Bank. (2022). World development indicators 2022. https://databank.worldbank.org/source/world-development-indicators.

Yarli, D., Pusvivasari, L., & Athoillah, M. A. (2023). Fungsionalisasi wakaf tunai bagi penyelesaian problema kemiskinan di Indonesia. Al-Afkar: *Journal for Islamic Studies, 6*(1), 519–532.

Zailani, M. N., Satar, N. H. M., & Zakaria, R. H. (2023). Multidimensional poverty measurement from Islamic perspectives: A survey of the literature. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, *31*(1), 77–98.

Zainur, Z. (2021). Islamic finance and economic development: The impact of the Islamic finance sector on Indonesia's economic development. *Journal of Sharia Economics*, *3*(1), 52–63.